

23 FEB 1997

Najib-Gari

JAWATANKUASA KABINET MENGENAI ISU SOSIAL BINCANG SOAL GARI PELAJAR

PEKAN, 23 Feb (Bernama) -- Tindakan polis menggari pelajar-pelajar sekolah kerana disyaki terbabit dengan penyalahgunaan dadah akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu Sosial yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak lama lagi.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata perkara serupa juga akan dibangkitkan pada perjumpaan khas kementerian dengan polis esok.

Semasa ditemui pemberita pada majlis Hari Raya anjuran Umno Bahagian Pekan di sini, beliau berkata perjumpaan itu dibuat memandangkan banyak reaksi kurang senang di kalangan orang ramai dan ibu bapa berikutan langkah menggari pelajar manakala gambar mereka disiarkan pula oleh media.

Katanya meskipun kementerian ingin mengenalpasti pelajar-pelajar bermasalah, pada masa yang sama kerajaan mahu menjaga emosi dan psikologi mereka memandangkan golongan ini masih berada pada peringkat remaja.

"Kita tidak mahu mereka membawa masalah emosi berterusan kerana malu dan diejek oleh masyarakat tempatan. Kita mahu ibu bapa turut terlibat dalam perkara ini dan dimaklumkan sebelum sebarang tindakan dibuat berikutan salah laku anak-anak mereka," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata tindakan menggari pelajar sekolah yang disyaki terbabit dengan dadah tidak perlu dan polis sepatutnya menggunakan budibicara semasa mengendalikan kes-kes berkaitan remaja.

Mengenai cadangan penggunaan rotan bagi menangani masalah disiplin pelajar, Najib berkata merotan sahaja tidak akan menyelesaikan masalah kerana ianya perlu dilihat dari segi kaunseling dan pemulihan disiplin itu sendiri.

"Aspek hukuman ialah satu dimensi di mana kita boleh menghukum, merotan, buang sekolah atau gantung persekolahan. Semua kuasa sudah cukup tetapi soalnya apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan," katanya.

Ditanya mengenai 44,000 pelajar terdiri daripada anak-anak pendatang asing di sekolah-sekolah, Najib mengetepikan dakwaan bahawa kehadiran mereka merupakan punca kemerosotan prestasi peperiksaan di sekolah-sekolah.

Katanya secara keseluruhan pencapaian akademik pelajar-pelajar meningkat setiap tahun, umpamanya jumlah pelajar yang memperoleh 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah seluruh negara tahun lepas meningkat kepada 26,000 orang berbanding 21,000 pada tahun 1995.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail baru-baru ini berkata kira-kira 44,000 anak pendatang asing yang kini belajar di sekolah kerajaan di seluruh negara dikatakan menjadi punca prestasi peperiksaan sesebuah sekolah itu mengalami kemerosotan.

-- BERNAMA

ROS AHH